



PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) LANTIK OPERATOR BAHRU BAGI PENGURUSAN PARKIR DI STESEN KERETAPI SUNGAI PETANI DAN GURUN

SEPANG, 22 Sept 2022 - Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengambil tindakan sewajarnya dengan melantik operator pengurusan parkir yang baharu dalam menangani isu kebimbangan yang diutarakan penumpang tren di Stesen Keretapi Sungai Petani dan Stesen Keretapi Gurun mengenai keselamatan motorsikal yang diparkir di kedua-dua stesen tersebut.

Merujuk kepada laporan akhbar Kosmo pada 22 September 2022 dengan tajuk **Penumpang Tren Bimbang Motosikal Dikebas Pencuri**, kebimbangan ini wujud selepas tiada lagi pengawal keselamatan yang ditempatkan di pintu masuk tempat letak kenderaan selain tiadanya pengawasan televisyen litar tertutup (CCTV).

Justeru itu, Perbadanan ini telah melantik **syarikat Adventure Realty Sdn. Bhd mulai 1 November 2022** sebagai operator bagi pengoperasian dan pengurusan tempat letak kereta di Stesen Keretapi Sungai Petani dan Stesen Keretapi Gurun termasuk memastikan keselamatan kenderaan yang diletakkan di tapak parkir di kedua-dua stesen kereta api tersebut.

Selain itu, pelantikan operator ini juga bagi membolehkan fasiliti dan persekitaran kawasan tersebut dijaga dan diselenggara dengan baik bagi memastikan keselesaan pengguna.

Langkah ini diambil selepas operator sedia ada yang menguruskan kedua-dua tapak parkir tersebut tersebut iaitu syarikat Gemilang Pesona Fasiliti Sdn. Bhd. menamatkan perkhidmatan mulai 31 Ogos 2022.

Dalam memastikan keselamatan kenderaan yang diletakkan di dalam kawasan parkir di stesen-stesen kereta api sentiasa diutamakan, Perbadanan ini telah mensyaratkan operator yang dilantik untuk mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. Operator hendaklah sentiasa menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan termasuklah pengawal keselamatan bagi tapak tersebut dan sentiasa memastikan agar keselamatan kenderaan-kenderaan di tapak tersebut sentiasa terjamin daripada sebarang tindakan vandalism, kecurian, rompakan, kehilangan.

- Pengawal keselamatan yang dilantik mestilah daripada kalangan warganegara Malaysia sahaja;
- ii. Pengawal keselamatan yang dilantik oleh operator hendaklah mempunyai jadual rondaan kawasan sekitar tempat letak kereta sepanjang tempoh tempat letak kereta beroperasi;
 - iii. Operator juga bertanggungjawab untuk memastikan lampu jalan di sekitar kawasan tapak parkir dalam keadaan baik bagi tujuan keselamatan. Kawasan yang gelap hendaklah dipasang lampu bagi memberi keselesaan kepada pengguna;
 - iv. Operator hendaklah memastikan keutamaan daripada aspek keselamatan kawasan tempat kereta tersebut terjaga. Operator juga hendaklah memasang peralatan yang bersesuaian di kawasan tempat letak kereta tersebut seperti CCTV atau lain-lain peralatan yang difikirkan sesuai bagi menjaga aspek keselamatan kawasan tempat letak kereta. Sekiranya terdapat CCTV sedia ada di kawasan tempat meletak kereta tersebut, operator bertanggungjawab memastikan CCTV tersebut berada dalam keadaan baik dan memaklumkan kepada pihak RAC sekiranya berlaku kerosakan yang bukan berpunca daripada tindakan operator; dan
 - v. Operator hendaklah memastikan lampu dalam kawasan tempat letak kereta dinyalakan dari pukul 7.00 petang sehingga 5.00 pagi. Lampu juga hendaklah sentiasa dibuka di kawasan-kawasan yang gelap seperti di tempat letak kereta bertingkat atau kawasan yang tertutup.

Dalam hal ini, kerjasama daripada pihak pengguna adalah diharapkan dengan memastikan motorsikal mereka diletakkan di kawasan yang telah disediakan oleh pihak operator dan penggunaan kunci tambahan sebagai langkah keselamatan amat dialukan.

Sekian, terima kasih.

**PERBADANAN ASET KERETAPI
22 SEPTEMBER 2022**

- TAMAT -

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media

Unit Hal Ehwal Korporat Perbadanan Aset Keretapi

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 0222

E-mel: info@rac.gov.my